

Kembara #mydigitalmaker bersama PINTAR sasar pelajar sekolah luar bandar MDEC salur ilmu inovasi digital

Oleh KU MOHD. RIZDUAN
KU ABDUL RAHMAN

NILAI – Program Kembara #mydigitalmaker bersama PINTAR, sebuah unit bergerak berkaitan pendidikan teknologi digital bakal menjadi titik permulaan menyemarakkan minat dan membangunkan pemahaman lebih kukuh mengenai inovasi digital dalam kalangan pelajar sekolah di luar bandar, pendalaman dan kurang berkemampuan.



YASMIN

Lebih menarik, inisiatif yang dilancarkan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dengan kerjasama badan bukan kerajaan, Pintar Foundation itu akan memberi pendedahan dan peluang pendidikan digital kepada kira-kira 100,000 pelajar di kawasan tersebut dalam tempoh dua tahun bermula Selasa lalu.

Disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, pelaksanaan Kembara #mydigitalmaker bersama PINTAR itu juga bertujuan memberi pendedahan kepada guru, ibu bapa dan masyarakat setempat di pedalaman negara ini mengenai penciptaan kandungan dan peralatan digital.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Datuk Yasmin Mahmood berkata, teknologi digital amat penting buat masa ini memandangkan inovasi digital mencipta semua sektor dan mengubah landskap pekerjaan.

“Bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing adalah penting untuk melengkapkan golongan muda dengan kemahiran digital agar mereka bersedia menjadi ‘pasukan kerja digital’ pada masa hadapan dan merebut peluang-peluang digital global.

“Mewujudkan sebuah negara pencipta digital memerlukan usaha bersama daripada pemain industri dan ahli akademik. Kami gembira untuk membentuk perkongsian dengan Pintar Foundation bagi menyokong usaha ini dan berterima kasih kepada rakan kongsi strategik atas sumbangan mereka dalam menjayakan program Kembara #mydigitalmaker bersama PINTAR,” katanya.

Pelancaran program itu disempurnakan oleh Timbalan



BAS Kembara #mydigitalmaker bersama PINTAR akan menjelajah ke beberapa buah sekolah terpilih di seluruh negara selepas dilancarkan di SMK Kompleks KLIA, Nilai, Negeri Sembilan pada Selasa lalu.



KAMALANATHAN mendengar penerangan daripada sekumpulan pelajar mengenai projek robotik semasa melancarkan program Kembara #mydigitalmaker bersama PINTAR di SMK Kompleks KLIA.

Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kompleks KLIA di sini pada Selasa lalu yang turut dihadiri Pengerusi MDEC, Tan Sri Sidek Hassan.

Kamalanathan ketika berucap pada majlis itu berkata, pada kadar kepesatan ekosistem digital sekarang, kerjaya dalam bidang teknologi digital akan menjadi bahagian utama masa hadapan Malaysia dan untuk mengisi pekerjaan yang amat dikehendaki ini ialah bakat-bakat yang telah mahir dan bersedia dengan ilmu ekonomi digital.

Inisiatif yang dilakukan MDEC bersama Pintar Foundation merupakan lanjutan pergerakan #mydigitalmaker kebangsaan yang dilancarkan Ogos tahun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pergerakan tersebut me-

nyasarkan untuk mentransformasikan belia Malaysia daripada sekadar menjadi pengguna digital kepada pencipta dalam ekonomi digital dengan menyertakan kecekapan digital menerusi kurikulum rasmi sekolah dan menyokongnya dengan aktiviti kokurikulum pencipta digital.

Mengulas lanjut, Yasmin berkata, Kembara #mydigitalmaker bersama PINTAR merupakan unit bergerak melibatkan sebuah bas yang direka khas bagi menempatkan pelbagai peralatan penciptaan digital menarik selain maklumat tentang kerjaya teknologi digital masa hadapan dan penggunaan selamat teknologi berkenaan.

Kenderaan tersebut memamerkan modul pembelajaran dan kandungan merangkumi robot, animasi kreatif, realiti maya, pembangunan aplikasi, keselamatan siber dan per-



KAMALANATHAN bersama pelajar-pelajar sempena majlis pelancaran program Kembara #mydigitalmaker Bersama PINTAR di SMK Kompleks KLIA.

cetakan tiga dimensi (3D) serta penyediaan model dalam unit kembara pembelajaran itu.

Antara rakan kongsi industri yang terlibat sama menjayakan unit bergerak tersebut ialah Microsoft Malaysia, Google Malaysia, DiGi Telecommunications, Sasbadi, Designex3D, Cytron Technologies, Jana-lima, Centillion Robotics, Acestor dan Maker21.

Beliau memaklumkan, MDEC kini menjalin perkongsian dengan pelbagai rakan kongsi strategik dan universiti-universiti untuk menyemai ekosistem pencipta digital bagi menyediakan peluang pembelajaran berasaskan projek menerusi aktiviti kokurikulum, hab pencipta digital dan pertandingan.

Jelas beliau, firma-firma itu menawarkan kepakaran berkaitan inovasi dan kreativiti digital, peralatan dan bahan-bahan pengajaran serta pelbagai sumber untuk menjadi tuan rumah Hab Pencipta Digital.

“Ekosistem perkongsian #mydigitalmaker merupakan inisiatif meliputi keseluruhan yang menjejaki pelajar sepanjang pendidikan mereka.

“Daripada pendedahan hingga konsep pemikiran komputasional dan sains komputer di sekolah rendah dan menengah, MDEC menerusi rakan kongsi industri dan akademik terus mewujudkan ruang bagi pelajar meneruskan pengajian tinggi berkaitan kerjaya teknologi digital,” ujarnya.

Sementara itu, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Pintar Foundation, Sabri Ab. Rahman berkata, pihaknya memberi tumpuan melakukan kelainan kepada kehidupan pelajar dalam masyarakat yang terpinggir dengan mempromosikan pendidikan menerusi

kaedah merangsang mental, inovatif dan kreatif.

“Apabila muncul peluang untuk mengadakan kerjasama dengan MDEC dan meluaskan capaian Kembara #mydigitalmaker bersama PINTAR, kami teruja untuk turut serta kerana mengetahui kelainan yang program ini akan memberi pendedahan kepada pelajar luar bandar dan bandar kecil terhadap masa hadapan teknologi digital yang mewah dan penuh ganjaran ini.

“Meskipun kurikulum sekolah penting bagi membentuk minda golongan muda, namun memperkenalkan pendekatan berbeza menerusi pembelajaran tidak rasmi pastinya memberikan lonjakan yang diperlukan kepada sistem pendidikan negara. Ia memberi peluang berdaya saing kepada generasi masa hadapan dalam dunia yang semakin berteknologi tinggi dan digital ini,” katanya.

Dalam pada itu, Naib Presiden Bahagian Bakat dan Keusahawanan Digital MDEC, Sumithra Nair berkata, para pelajar boleh mencuba segala peralatan penciptaan digital di dalam bas tersebut malah mereka akan dibimbing oleh petugas daripada Pintar Foundation sepanjang jelajah berkenaan.

Selepas SMK Kompleks KLIA menjadi lokasi pertama bas tersebut, sehingga November tahun ini, bas berkenaan akan menjelajah ke 50 buah termasuk Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Johor, Pahang dan Perak.

Program itu akan diteruskan di sekolah negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia pada tahun hadapan. Maklumat lanjut boleh layari www.mydigitalmaker.com/event/kembara-mydigitalmaker-bersama-pintar.